



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI ATAS TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 500

AKTA JUALAN LANGSUNG DAN SKIM ANTI-PIRAMID 1993

Sebagaimana pada 1 Disember 2011

AKTA JUALAN LANGSUNG DAN SKIM ANTI-PIRAMID 1993

Tarikh Perkenan Diraja	...	...	22 Januari 1993
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	...	...	4 Februari 1993
Kali terakhir dipinda oleh Akta A1379 yang berkuat kuasa pada	...	...	1 Mac 2011

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

<i>Cetakan Semula Yang Pertama</i>	...	...	...	2007
------------------------------------	-----	-----	-----	------

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 500

AKTA JUALAN LANGSUNG DAN SKIM ANTI-PIRAMID 1993

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Pengawal, Timbalan Pengawal, dsb.

BAHAGIAN II

KEHENDAK SUPAYA MENDAPATKAN LESEN UNTUK MENJALANKAN PERNIAGAAN JUALAN LANGSUNG

4. Perniagaan jualan langsung hendaklah dijalankan hanya dengan lesen
5. Pengemukakan permohonan untuk mendapatkan lesen
6. Pemberian atau keengganan memberikan lesen
7. (*Dipotong*)
8. Pembatalan lesen
9. Pengenaan had sebagai ganti pembatalan lesen
10. Kuasa untuk mengenakan syarat baru dan untuk mengubah atau membatalkan syarat
11. Notis pembatalan lesen, pengenaan had atau pengubahan, pembatalan atau pengenaan syarat baru
12. Penyerahan balik lesen
13. Larangan ke atas penjalanan perniagaan jualan langsung apabila lesen dibatalkan, habis tempoh, atau diserahkan balik

Seksyen

14. Pemberikuasaan untuk menjalankan aktiviti selepas pembatalan
15. Pindaan atau perubahan dokumen konstituen pemegang lesen
16. Rayuan terhadap keputusan Pengawal

BAHAGIAN III

JUALAN PINTU KE PINTU DAN, JUALAN PESANAN POS
DAN JUALAN MELALUI TRANSAKSI ELEKTRONIK

17. Bertandang ke mana-mana premis bagi maksud merundingkan jualan pintu ke pintu
18. Orang yang merundingkan jualan pintu ke pintu hendaklah menunjukkan kad pengenalan dan kad kuasa
19. Jualan pesanan pos
- 19A. Jualan melalui transaksi elektronik
20. Kandungan iklan dalam jualan pesanan pos
21. Kesalahan jika memberikan maklumat palsu dalam iklan
22. Barang-barang hendaklah tersedia untuk diperiksa

BAHAGIAN IV

KONTRAK JUALAN LANGSUNG

23. Kehendak kontrak jualan langsung
24. Kandungan kontrak jualan langsung

BAHAGIAN V

TEMPOH BERTENANG DAN PENAMATAN

25. Barang-barang atau perkhidmatan tidak boleh dihantarserahkan atau dilaksanakan dalam tempoh bertenang
26. Penamatan kontrak
27. Efek penamatan

BAHAGIAN VA

LARANGAN SKIM PIRAMID

- 27A. Tafsiran berhubung dengan Bahagian ini

Seksyen

- 27B. Menyalahi undang-undang untuk mempromosikan atau menjalankan skim piramid

BAHAGIAN VI
PENGUATKUASAAN

28. Penyataan jawatan
29. Penggeledahan dan penyitaan dengan waran
29A. Penggeledahan dan penyitaan tanpa waran
29B. Penolong Pengawal boleh membawa orang lain
29C. Capaian kepada data berkomputer
29D. Senarai benda yang disita
30. Kuasa untuk menangkap
31. Penghalangan pegawai
32. Waran boleh diterima walau apa pun kecacatan, dsb.
33. Kuasa penyiasatan
33A. Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes
33B. Pemeriksaan orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes
33C. Kebolehterimaan pernyataan sebagai keterangan
34. Pendakwaan
35. Pelucuthakan harta, dsb.
36. Tiada kos atau ganti rugi boleh didapati berbangkit daripada penyitaan
36A. Kos memegang harta, dsb., yang disita

BAHAGIAN VII
PELBAGAI

37. Terma kontrak tertentu dilarang
38. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan, dsb.
39. Penalti am
40. Pengkompaunan kesalahan
41. Bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan
42. Kuasa untuk memberikan pengecualian

Seksyen

- 43. Perlindungan Pengawal, Timbalan Pengawal, Penolong Pengawal dan pegawai lain
- 43A. Perlindungan kepada pemberi maklumat
- 44. Peraturan-peraturan
- 45. Pindaan Jadual

JADUAL

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 500

AKTA JUALAN LANGSUNG DAN SKIM ANTI-PIRAMID 1993

Suatu Akta untuk membuat peruntukan bagi pelesenan orang yang menjalankan perniagaan jualan langsung, bagi pengawalseliaan penjualan langsung, bagi larangan skim atau perkiraan piramid, skim atau perkiraan pengedaran berantai, atau apa-apa skim atau perkiraan yang serupa dengannya, dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

[1 Jun 1993, P.U. (B) 152/1993]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan pemakaian

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan *Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan tarikh yang berlainan boleh ditetapkan bagi mula berkuat kuasanya peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

(2) Akta ini hendaklah terpakai di seluruh Malaysia dan hanya berkenaan dengan—

*CATATAN—lihat seksyen 4 dan 5 Akta Jualan Langsung (Pindaan) 2010 [Akta A1379]

- (a) rundingan yang dijalankan selepas tarikh mula berkuat kuasanya Akta ini, yang membawa kepada pembentukan kontrak jualan langsung; dan
 - (b) kontrak jualan langsung yang dibuat selepas mula berkuat kuasanya Akta ini, walaupun rundingan yang membawa kepada pembentukan kontrak itu mungkin telah berlangsung sebelum tarikh itu.
- (3) Akta ini tidak terpakai—
 - (a) jika pembeli atau bakal pembeli ialah suatu pertubuhan perbadanan;
 - (b) bagi apa-apa kontrak insurans dan insurans semula yang dikeluarkan oleh seseorang penanggung insurans yang didaftarkan di bawah *Akta Insurans 1963 [*Akta 89*]; dan
 - (c) bagi apa-apa kontrak takaful dan takaful semula yang dikeluarkan oleh seseorang pengendali takaful yang didaftarkan di bawah Akta Takaful 1984 [*Akta 312*].
- (4) Peruntukan Akta ini tidak menjejaskan Akta Sewa Beli 1967 [*Akta 212*], Akta Jualan Barang 1957 [*Akta 382*], Akta Kontrak 1950 [*Akta 136*] dan Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*], dan jika ada percanggahan di antara peruntukan Akta ini dengan peruntukan mana-mana Akta itu, peruntukan Akta ini hendaklah dipakai.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“barang-barang” ertinya tiap-tiap jenis harta alih selain hak dalam tindakan, surat cara boleh niaga, syer, debentur dan wang;

“ditetapkan” ertinya ditetapkan melalui peraturan-peraturan;

“elektronik” ertinya teknologi yang menggunakan elektrik, optik, magnetik, elektromagnetik, biometrik, photonik atau teknologi lain yang seumpama;

“harta” ertinya tiap-tiap perihalan harta alih atau harta tak alih, sama ada yang ketara atau tidak ketara dan termasuklah suatu kepentingan mengenai mana-mana harta alih atau harta tak alih itu, hak dalam tindakan, surat cara boleh niaga dan wang;

“iklan” termasuklah tiap-tiap bentuk pengiklanan (sama ada atau tidak disertakan dengan atau berkaitan dengan perkataan lisan atau bertulis atau tulisan atau bunyi lain dan sama ada atau tidak terkandung atau dikeluarkan dalam sesuatu penerbitan) melalui pempameran notis atau dengan menggunakan katalog, senarai harga, label, kad atau dokumen atau bahan lain atau melalui pertunjukan filem sinematograf atau gambar atau fotograf, atau dengan menggunakan radio atau televisyen, atau dengan apa-apa cara lain;

“jualan langsung” ertinya jualan dari pintu ke pintu, jualan pesanan pos atau jualan melalui transaksi elektronik mengikut pengertian Akta ini;

“jualan melalui transaksi elektronik” ertinya jualan barang-barang atau perkhidmatan secara elektronik dengan menggunakan rangkaian pemasaran bagi maksud untuk mendapatkan komisen, bonus atau apa-apa faedah ekonomi yang lain;

“jualan pesanan pos” ertinya jualan barang-barang atau perkhidmatan yang dijalankan oleh seseorang, sama ada sendiri atau melalui mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya, dengan menerima tawaran bagi kontrak jualan melalui pos atau apa-apa kaedah penghantaran yang lain termasuk secara elektronik;

“jualan pintu ke pintu” ertinya jualan barang-barang atau perkhidmatan yang dijalankan dengan cara yang berikut:

- (a) seseorang atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya—

*CATATAN—Akta ini telah dimansuhkan oleh Akta Insuran 1996 [Akta 553]—lihat subseksyen 214(1) Akta 553.

(i) pergi dari satu tempat ke satu tempat selain suatu tempat perniagaan yang tetap; atau

(ii) membuat panggilan telefon,

mencari orang yang bersedia untuk membuat kontrak sebagai pembeli bagi penjualan barang atau perkhidmatan; dan

(b) orang yang mula-mula disebut itu atau mana-mana orang lain selepas itu atau kemudiannya membuat perundingan dengan bakal pembeli dengan tujuan mewujudkan kontrak itu;

“Menteri” ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi perdagangan dalam negeri dan hal ehwal pengguna;

“pembeli” ertinya orang yang kepadanya barang-barang atau perkhidmatan dibekalkan atau akan dibekalkan di bawah sesuatu kontrak dan, jika hak orang itu berpindah melalui kuat kuasa undang-undang, termasuklah orang yang sekarang ini berhak kepada hak itu;

“Pengawal”, “Timbalan Pengawal” dan “Penolong Pengawal” masing-masing ertinya Pengawal Jualan Langsung, Timbalan Pengawal Jualan Langsung dan Penolong Pengawal Jualan Langsung yang dilantik di bawah seksyen 3;

“penjual” ertinya orang yang membekalkan atau bersetuju untuk membekalkan barang-barang atau perkhidmatan di bawah sesuatu kontrak dan, jika hak orang itu berpindah melalui kuat kuasa undang-undang, termasuklah orang yang sekarang ini berhak kepada hak itu;

“peraturan-peraturan” ertinya peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

“perkhidmatan” termasuklah apa-apa jenis hak atau faedah kecuali pembekalan barang-barang dan pelaksanaan kerja di bawah suatu kontrak perkhidmatan, dan sebutan mengenai perkataan “perkhidmatan” dalam Akta ini hendaklah berhubungan dengan jualan langsung dan skim piramid;

“tempat perniagaan tetap” ertinya—

- (a) berhubungan dengan penjualan barang-barang, tempat di mana penjual biasanya menjalankan perniagaan atau tempat di mana barang-barang daripada perihal yang dengannya jualan itu berhubungan, atau barang-barang yang serupa perihalnya, biasanya ditawarkan atau dipamerkan untuk jualan dalam perjalanan perniagaan yang dijalankan di tempat itu;
- (b) berhubungan dengan penjualan perkhidmatan, tempat di mana penjual menjalankan perniagaan;

“tempoh bertenang” ertinya tempoh sepuluh hari yang bermula pada hari selepas tarikh pembuatan sesuatu kontrak jualan langsung.

Pengawal, Timbalan Pengawal, dsb.

3. (1) Menteri boleh melantik, daripada kalangan pegawai awam, seorang Pengawal Jualan Langsung dan sekian bilangan Timbalan Pengawal Jualan Langsung, Penolong Pengawal Jualan Langsung dan pegawai lain sebagaimana yang perlu bagi maksud Akta ini.

(2) Pengawal hendaklah, tertakluk kepada arahan dan kawalan am Menteri, melaksanakan kewajipan yang dikenakan ke atasnya dan menjalankan hak dan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah Akta ini dan peraturan-peraturan.

(3) Timbalan Pengawal, Penolong Pengawal dan pegawai lain yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah berada di bawah arahan dan kawalan Pengawal.

(4) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (5), seseorang Timbalan Pengawal boleh melaksanakan segala kewajipan yang dikenakan ke atas dan menjalankan segala hak dan kuasa yang diberikan kepada Pengawal di bawah Akta ini.

(5) Kewajipan yang hendak dilaksanakan dan hak dan kuasa yang hendak dijalankan oleh Pengawal di bawah seksyen 6, 8, 9, 10, 11, 13

dan 14 hendaklah dilaksanakan dan dijalankan oleh Pengawal sendiri.

(6) Pengawal atau Timbalan Pengawal boleh melaksanakan segala kewajipan yang dikenakan ke atas dan menjalankan segala kuasa yang diberikan kepada Penolong Pengawal di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan.

(7) Semua pegawai yang dilantik di bawah seksyen ini hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

BAHAGIAN II

KEHENDAK SUPAYA MENDAPATKAN LESEN UNTUK MENJALANKAN PERNIAGAAN JUALAN LANGSUNG

Perniagaan jualan langsung hendaklah dijalankan hanya dengan lesen

4. (1) Tertakluk kepada seksyen 14 dan 42, tiada seorang pun boleh menjalankan apa-apa perniagaan jualan langsung melainkan jika ia suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dan memegang lesen yang sah yang diberikan di bawah seksyen 6.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh—

- (a) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit dan, bagi kesalahan kali yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua juta ringgit;
- (b) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan, bagi kesalahan kali yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

(3) Jika seseorang, yang menjadi pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai serupa itu yang lain dalam pertubuhan perbadanan itu, pekongsi dalam perkongsian itu atau pemegang jawatan dalam pertubuhan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, melakukan kesalahan di bawah seksyen ini menurut kuasa seksyen 38, dia boleh dikenakan penalti yang diperuntukkan di bawah perenggan (2)(b).

Pengemukakan permohonan untuk mendapatkan lesen

5. (1) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan lesen bagi menjalankan perniagaan jualan langsung yang disebutkan dalam seksyen 4 hendaklah dibuat dengan mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Pengawal berserta dengan—

- (a) satu salinan memorandum dan perkara persatuan atau dokumen konstituen lain yang di bawahnya pemohon telah ditubuhkan, yang ditentusahkan dengan sewajarnya melalui akaun berkanun yang dibuat oleh seorang pengarah pemohon itu;
- (b) satu salinan kunci kira-kira teraudit, akaun untung rugi dan laporan, jika ada, juruaudit dan pengarah pemohon itu, jika berkenaan, yang terbaru;
- (c) suatu pernyataan tentang—
 - (i) nama, tempat dan tarikh penubuhan pemohon itu;
 - (ii) nama, tempat dan tarikh penubuhan perbadanan berkaitannya;
 - (iii) perniagaan utama dan bidang operasi pemohon dan perbadanan berkaitannya;
 - (iv) nama dan alamat pengarah pemohon itu dan perbadanan berkaitannya, dan nama dan alamat pemegang syer substansial, mengikut pengertian seksyen 69D Akta Syarikat 1965, pemohon itu dan perbadanan berkaitannya; dan

- (v) skim pemasaran dan perdagangan atau skim pemasaran dan perdagangan dicadangkan pemohon itu berkenaan dengan perniagaan itu; dan
 - (d) apa-apa maklumat atau dokumen lain yang dinyatakan oleh Pengawal bagi maksud memutuskan permohonan itu dan menentukan kesesuaian pemohon itu untuk mendapat lesen.
- (2) Bagi maksud subperenggan (1)(c)(iv), sebutan mengenai suatu syarikat di bawah seksyen 69D Akta Syarikat 1965 hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk suatu syarikat persendirian.
- (3) Pada bila-bila masa selepas menerima sesuatu permohonan dan sebelum permohonan itu diputuskan, Pengawal boleh, dengan notis bertulis, menghendaki supaya pemohon atau mana-mana orang yang menjadi atau akan menjadi pengarah atau pengurus pemohon itu memberikan maklumat atau dokumen tambahan.
- (4) Perkara yang dinyatakan di bawah perenggan (1)(d) atau kehendak di bawah subseksyen (3) boleh berbeza di antara pemohon yang berlainan, atau pemohon daripada golongan, kategori atau perihal yang berlainan.
- (5) Sesuatu permohonan di bawah seksyen ini boleh ditarik balik pada bila-bila masa sebelum permohonan itu diluluskan atau ditolak.
- (6) Jika apa-apa maklumat atau dokumen tambahan yang dikehendaki di bawah subseksyen (3) tidak diberikan oleh pemohon atau pengarah atau pengurusnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam masa yang dinyatakan dalam kehendak itu atau apa-apa perlanjutan masa itu yang diberikan oleh Pengawal, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan tidak boleh terus diuruskan, tetapi tanpa menjejaskan pembuatan permohonan baru dibuat oleh pemohon.
- (7) Mana-mana orang yang memberikan maklumat atau dokumen yang palsu atau mengelirukan di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

Pemberian atau keengganan memberikan lesen

6. (1) Apabila sesuatu permohonan berserta dengan dokumen dan maklumat yang dikehendaki di bawah seksyen 5 diterima, Pengawal boleh memberikan lesen, dengan atau tanpa syarat, atau dia boleh enggan memberikan lesen tanpa memberi apa-apa sebab bagi keengganan itu.

(2) Pengawal boleh, pada memberikan lesen di bawah subseksyen (1), menghendaki pemohon membayar apa-apa amaun fi yang ditetapkan.

(3) Bagi maksud subseksyen (2), fi yang berlainan boleh ditetapkan berkenaan dengan golongan, kategori atau perihal pemohon yang berlainan.

(4) Mana-mana pemegang lesen yang tidak mematuhi mana-mana syarat lesen yang dikenakan oleh Pengawal di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

7. *(Dipotong oleh Akta A1379).*

Pembatalan lesen

8. (1) Pengawal boleh membatalkan sesuatu lesen yang diberikan di bawah seksyen 6 jika dia berpuas hati bahawa—

- (a) pemegang lesen itu telah gagal mematuhi apa-apa obligasi yang dikenakan ke atasnya oleh atau di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan;
- (b) pemegang lesen itu telah melanggar apa-apa syarat yang dikenakan di bawah lesen itu, atau apa-apa peruntukan lain lesen itu, atau apa-apa peruntukan Akta ini atau peraturan-peraturan, tanpa mengira bahawa tidak ada pendakwaan bagi kesalahan berkenaan dengan pelanggaran itu;

- (c) pemegang lesen atau mana-mana orang yang menjadi atau akan menjadi pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai serupa itu yang lain dalam pemegang lesen itu telah, sama ada berkaitan dengan permohonan bagi mendapatkan lesen, atau pada bila-bila masa selepas pemberian lesen itu, memberikan maklumat yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat kepada Pengawal;
- (d) kepentingan orang yang berurusan dengan pemegang lesen atau kepentingan pembelinya terancam dengan apa-apa cara, sama ada dengan cara pemegang lesen itu menjalankan atau bercadang hendak menjalankan perniagaannya atau kerana apa-apa sebab lain;
- (e) pemegang lesen telah berhenti menjalankan mana-mana satu atau lebih bidang perniagaan yang baginya ia dilesenkan;
- (f) suatu kompromi atau perkiraan dengan pemiutang telah dibuat berkenaan dengan pemegang lesen itu;
- (g) seorang penerima atau pengurus perniagaan pemegang lesen itu telah dilantik; atau
- (h) milikan telah diambil, oleh atau bagi pihak pemegang mana-mana debentur yang bercagarkan gadaian, akan mana-mana harta pemegang lesen itu yang terkandung dalam atau tertakluk kepada gadaian itu.

(2) Pengawal hendaklah membatalkan sesuatu lesen yang diberikan kepada pemegang lesen di bawah seksyen 6 jika dia berpuas hati bahawa—

- (a) suatu perintah penggulangan telah dibuat terhadap pemegang lesen itu; atau
- (b) suatu resolusi bagi penggulangan sukarela pemegang lesen itu telah diluluskan.

Pengenalan had sebagai ganti pembatalan lesen

9. (1) Jika Pengawal berpuas hati bahawa ada alasan yang membolehkan kuasanya untuk membatalkan lesen dijalankan di bawah subseksyen 8(1) tetapi hal keadaan tidaklah sedemikian rupa sehingga mewajarkan pembatalan, Pengawal boleh mengehadkan lesen itu dengan—

- (a) mengenakan apa-apa batasan ke atas jangka masa lesen itu sebagaimana yang difikirkannya patut;
- (b) mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya wajar atau suai manfaat bagi melindungi pembeli atau bakal pembeli atau orang lain yang berurusan dengan pemegang lesen itu; atau
- (c) mengenakan kedua-dua batasan dan syarat itu.

(2) Sesuatu batasan ke atas jangka masa sesuatu lesen tidak boleh sedemikian rupa sehingga membenarkan lesen itu terus berkuat kuasa selama suatu tempoh lebih lama daripada satu tahun dari tarikh batasan itu dikenakan; dan batasan itu boleh khususnya dikenakan dalam sesuatu hal apabila Pengawal berpendapat bahawa pemegang lesen patut dibenarkan membayar pembelinya atau orang lain yang berurusan dengannya dengan cara yang teratur.

(3) Syarat yang dikenakan di bawah seksyen ini boleh, khususnya—

- (a) menghendaki pemegang lesen mengambil langkah tertentu atau tidak menggunakan atau meneruskan sesuatu bentuk tindakan atau mengehadkan skop perniagaannya mengikut sesuatu cara tertentu; atau
- (b) melarang pemegang lesen membuat apa-apa transaksi atau golongan transaksi, atau membenarkannya membuat transaksi sedemikian tertakluk kepada apa-apa had atau syarat sebagaimana yang dinyatakan.

(4) Apa-apa syarat yang dikenakan di bawah seksyen ini boleh diubah atau dibatalkan oleh Pengawal dan apa-apa batasan yang dikenakan di bawah seksyen ini ke atas jangka masa lesen boleh diubah tetapi tidak sehingga membenarkan lesen itu terus berkuat kuasa selama tempoh lebih lama daripada tempoh yang diperuntukkan dalam subseksyen (2).

(5) Kegagalan mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan di bawah seksyen ini hendaklah menjadi alasan bagi pembatalan lesen tetapi tidak menidaksahkan apa-apa transaksi.

Kuasa untuk mengenakan syarat baru dan untuk mengubah atau membatalkan syarat

10. Pengawal boleh pada bila-bila masa mengenakan syarat baru ke atas sesuatu lesen yang diberikan di bawah seksyen 6, atau mengubah atau membatalkan apa-apa syarat yang dikenakan ke atas lesen itu di bawah seksyen 6 atau di bawah seksyen ini, atau boleh mengubah atau membatalkan apa-apa syarat yang sudah sedia diubah di bawah seksyen ini.

Notis pembatalan lesen, pengenaan had atau pengubahan, pembatalan atau pengenaan syarat baru

11. (1) Tertakluk kepada seksyen 12, jika Pengawal bercadang—

- (a) untuk membatalkan sesuatu lesen di bawah seksyen 8;
- (b) untuk menghadkan sesuatu lesen di bawah seksyen 9 atau mengubah apa-apa had atau syarat di bawah seksyen itu; atau
- (c) untuk mengubah atau membatalkan apa-apa syarat, atau mengenakan apa-apa syarat baru di bawah seksyen 10,

dia hendaklah memberikan pemegang lesen itu notis bertulis tentang niatnya untuk berbuat demikian, dengan menyatakan jenis tindakan yang dicadangkan dan alasan yang berdasarkannya dia bercadang

mengambil tindakan sedemikian, dan dia hendaklah memberi pemegang lesen peluang untuk membuat representasi bertulis mengenainya dalam masa empat belas hari dari tarikh penyampaian notis itu.

(2) Selepas habis tempoh empat belas hari yang tersebut dalam subseksyen (1) dan selepas menimbangkan apa-apa representasi yang dibuat oleh pemegang lesen di bawah subseksyen itu, Pengawal hendaklah memutuskan—

- (a) sama ada hendak meneruskan tindakan yang dicadangkan itu;
- (b) sama ada tidak akan mengambil tindakan selanjutnya;
- (c) jika tindakan yang dicadangkan itu adalah untuk membatalkan lesen pemegang lesen itu, sama ada hendak mengehadkan lesen itu, sebagai ganti, di bawah seksyen 9; atau
- (d) jika tindakan yang dicadangkan adalah untuk mengehadkan lesen itu di bawah seksyen 9, atau untuk mengubah apa-apa had di bawah seksyen 9, atau untuk mengubah sesuatu syarat di bawah seksyen 10, sama ada untuk mengehadkan atau mengubah had atau untuk mengubah syarat itu dengan cara yang berlainan.

(2A) Walau apa pun subseksyen (2), jika tiada representasi dibuat oleh pemegang lesen selepas habis tempoh empat belas hari dari tarikh penyampaian notis di bawah subseksyen (1), Pengawal boleh memutuskan untuk meneruskan tindakan yang dicadangkan di bawah subseksyen (1).

(3) Pengawal hendaklah memberi pemegang lesen notis bertulis tentang keputusannya di bawah subseksyen (2) atau (2A), dan keputusan itu hendaklah mula berkuat kuasa dari tarikh notis bertulis itu disampaikan kepada pemegang lesen itu.

Penyerahan balik lesen

12. (1) Seseorang pemegang lesen boleh menyerahkan balik lesennya dengan menghantarnya kepada Pengawal bersama notis bertulis tentang penyerahan balik itu.

(2) Penyerahan balik sesuatu lesen hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh Pengawal menerima lesen itu dan notis di bawah subseksyen (1) atau, jika suatu tarikh yang terkemudian dinyatakan dalam notis itu, pada tarikh terkemudian itu.

(3) Walau apa pun subseksyen (1) dan (2), jika suatu lesen dibatalkan, pemegang lesen itu hendaklah menyerahkan lesennya secara penyampaian ke diri kepada Pengawal dalam masa empat belas hari dari tarikh notis bertulis itu disampaikan kepada pemegang lesen di bawah subseksyen 11(3).

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh—

(a) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit;

(b) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(5) Jika seseorang, yang menjadi pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai serupa itu yang lain dalam suatu pertubuhan perbadanan, pekongsi dalam suatu perkongsian atau pemegang jawatan dalam suatu pertubuhan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, melakukan kesalahan di bawah seksyen ini menurut kuasa seksyen 38, dia boleh dikenakan penalti yang diperuntukkan di bawah perenggan (4)(b).

Larangan ke atas penjalanan perniagaan jualan langsung apabila lesen dibatalkan, habis tempoh, atau diserahkan balik

13. Jika pembatalan sesuatu lesen yang diberikan di bawah seksyen 6 telah mula berkuat kuasa, atau tempoh yang dikenakan ke atas sesuatu lesen sebagai had di bawah seksyen 9 telah habis, atau suatu penyerahan balik di bawah seksyen 12 telah mula berkuat kuasa, syarikat yang kepadanya lesen itu telah diberikan hendaklah dengan itu serta-merta terhenti menjalankan apa-apa perniagaan yang berkenaan dengannya lesen itu telah diberikan.

Pemberikuasaan untuk menjalankan aktiviti selepas pembatalan

14. Pengawal boleh, secara bertulis, memberi kuasa sesuatu syarikat yang lesennya telah dibatalkan untuk menjalankan aktivitinya selama tempoh yang dinyatakan oleh Pengawal dalam pemberikuasaan itu, tetapi hanya bagi maksud menggulung hal ehwalnya atau bagi maksud yang berfaedah kepada pembeli atau orang lain yang berurusan dengannya.

Pindaan atau perubahan dokumen konstituen pemegang lesen

15. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah, dalam masa tiga bulan selepas pembuatan apa-apa pindaan atau perubahan kepada mana-mana dokumen konstituennya, memberi Pengawal butir-butir secara bertulis, yang ditentukan dengan sewajarnya melalui akuan berkanun yang dibuat oleh seorang pengarah pemegang lesen itu, tentang pindaan atau perubahan itu.

Rayuan terhadap keputusan Pengawal

16. (1) Mana-mana orang yang terkilan dengan apa-apa keputusan Pengawal di bawah Bahagian ini boleh merayu kepada Menteri mengikut cara yang ditetapkan dalam masa satu bulan dari tarikh keputusan itu diberitahukan kepada orang itu.

- (2) Keputusan Menteri atas sesuatu rayuan di bawah subseksyen (1) adalah muktamad.

BAHAGIAN III

JUALAN PINTU KE PINTU DAN, JUALAN PESANAN POS DAN JUALAN MELALUI TRANSAKSI ELEKTRONIK

Bertandang ke mana-mana premis bagi maksud merundingkan jualan pintu ke pintu

17. (1) Tiada seorang pun boleh bertandang ke mana-mana premis bagi maksud merundingkan jualan pintu ke pintu pada hari dan di antara waktu yang ditetapkan.

(2) Mana-mana orang yang bertandang ke mana-mana premis bagi maksud merundingkan jualan pintu ke pintu hendaklah dengan segera menyatakan maksud lawatannya sebelum memasuki premis itu dan hendaklah meninggalkan premis atas permintaan penghuni premis itu atau mana-mana orang yang bertindak dengan kuasa sebenar atau tersirat daripada penghuni itu.

(3) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

Orang yang merundingkan jualan pintu ke pintu hendaklah menunjukkan kad pengenalan dan kad kuasa

18. (1) Mana-mana orang yang merundingkan jualan pintu ke pintu hendaklah menunjukkan kepada bakal pembeli—

(a) kad pengenalan pendaftaran negaranya; dan

(b) kad kuasanya yang hendaklah mengandungi apa-apa maklumat sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Mana-mana orang yang gagal mengemukakan kad pengenalan pendaftaran negara atau kad kuasanya atau yang mengemukakan kad

kuasa yang mengandungi apa-apa maklumat palsu atau yang mengelirukan melakukan suatu kesalahan.

(3) Mana-mana orang yang mengeluarkan apa-apa kad kuasa yang mengandungi apa-apa maklumat palsu atau yang mengelirukan melakukan suatu kesalahan.

Jualan pesanan pos

19. (1) Tiada seorang pun boleh membekalkan atau mengiklankan untuk membekalkan, melalui pesanan pos, apa-apa barang-barang atau perkhidmatan kecuali mengikut Akta ini atau peraturan-peraturan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Jualan melalui transaksi elektronik

19A. (1) Tiada seorang pun boleh membekalkan secara jualan, atau mengiklankan untuk membekalkan, melalui transaksi elektronik, apa-apa barang-barang atau perkhidmatan kecuali mengikut Akta ini atau peraturan-peraturan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Kandungan iklan dalam jualan pesanan pos

20. (1) Sesuatu iklan oleh mana-mana orang untuk membekalkan barang-barang atau perkhidmatan melalui pesanan pos hendaklah mengandungi —

- (a) nama dan nombor lesen orang itu;
- (b) alamat orang itu, yang tidak boleh merupakan suatu nombor peti surat;

- (c) nombor telefon orang itu;
- (d) perihal terperinci barang-barang yang ditawarkan atau perkhidmatan yang hendak diberikan;
- (e) tempat dan masa suatu sampel barang-barang itu boleh diperiksa;
- (f) harga barang-barang atau perkhidmatan itu;
- (g) kos penghantarserahan, jika ada, dan cara penghantarserahan, barang-barang itu; dan
- (h) masa barang-barang atau perkhidmatan itu dapat dijangkakan akan dihantarserahkan atau dilaksanakan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Kesalahan jika memberikan maklumat palsu dalam iklan

21. Mana-mana orang yang memberikan maklumat yang palsu atau mengelirukan dalam sesuatu iklan bagi pembekalan barang-barang atau perkhidmatan melalui pesanan pos melakukan suatu kesalahan.

Barang-barang hendaklah tersedia untuk diperiksa

22. (1) Seseorang yang membekalkan barang-barang melalui pesanan pos hendaklah menyediakan suatu sampel barang-barang itu bagi pemeriksaan orang ramai di tempat dan pada masa sebagaimana yang dinyatakan dalam iklan itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN IV

KONTRAK JUALAN LANGSUNG

Kehendak kontrak jualan langsung

23. (1) Sesuatu kontrak berkenaan dengan jualan pintu ke pintu bagi pembekalan barang-barang atau perkhidmatan yang nilainya akan ditetapkan, dan sesuatu kontrak berkenaan dengan jualan pesanan pos—

- (a) hendaklah secara bertulis;
- (b) hendaklah mengandungi, sebelum sahaja tempat yang diperuntukkan bagi tandatangan pembeli, pernyataan "KONTRAK INI TERTAKLUK KEPADA TEMPOH BERTENANG SELAMA SEPULUH HARI KERJA" yang dicetak dengan huruf besar dalam cetakan yang tidak kurang daripada 18 poin Times; dan
- (c) hendaklah ditandatangani oleh penjual dan pembeli kedua-duanya.

(2) Jika sesuatu kontrak berkenaan dengan jualan langsung dibuat oleh seseorang yang diberi kuasa oleh penjual, orang itu hendaklah disifatkan sebagai penjual bagi maksud seksyen ini.

(3) Seseorang pembeli yang membuat kontrak yang baginya subseksyen (1) terpakai hendaklah diberi salinan pendua selepas sahaja kontrak itu dibuat.

(4) Kegagalan mematuhi subseksyen (1) hendaklah menjadikan kontrak itu batal.

(5) Kegagalan mematuhi subseksyen (3) hendaklah menjadikan kontrak itu boleh dibatalkan atas pilihan pembeli.

Kandungan kontrak jualan langsung

24. (1) Sesuatu kontrak berkenaan dengan jualan langsung hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:

- (a) perihal terperinci barang-barang atau perkhidmatan yang hendak dibekalkan atau, jika kontrak itu membuat peruntukan bagi perjalanan kerja yang jenisnya dinyatakan, butir-butir terperinci kerja itu;
- (b) terma kontrak bagi kontrak itu, termasuk jumlah balasan yang kena dibayar atau diberikan oleh pembeli, atau jika jumlah balasan tidak dapat dipastikan pada masa kontrak itu dibuat, cara jumlah itu akan dikira;
- (c) masa, tempat dan cara pembayaran hendak dibuat;
- (d) masa dan tempat bagi penghantarserahan barang-barang atau bagi pelaksanaan perkhidmatan itu; dan
- (e) notis dalam bentuk yang ditetapkan yang memberitahu pembeli tentang haknya untuk menamatkan kontrak itu sebelum habis tempoh bertenang.

(2) Kegagalan mematuhi subseksyen (1) hendaklah menjadikan kontrak itu batal.

BAHAGIAN V

TEMPOH BERTENANG DAN PENAMATAN

Barang-barang atau perkhidmatan tidak boleh dihantarserahkan atau dilaksanakan dalam tempoh bertenang

25. (1) Kecuali dalam sesuatu hal apabila subseksyen (2) terpakai, tiada barang-barang boleh dihantarserahkan dan tiada perkhidmatan boleh dilaksanakan di bawah sesuatu kontrak berkenaan dengan sesuatu jualan langsung sehingga tempoh bertenang telah luput.

(2) Jika seseorang pembeli, yang telah membuat kontrak berkenaan dengan sesuatu jualan langsung, telah menyampaikan suatu notis secara bertulis kepada penjual menghendaki penjual menghantarserahkan barang-barang atau melaksanakan perkhidmatan pada bila-bila masa sebelum habis tempoh bertenang, dia hendaklah

disifatkan telah menepikan haknya untuk menamatkan kontrak itu di bawah seksyen 26.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), tiada notis di bawah subseksyen itu boleh disampaikan kepada penjual sebelum habis tempoh tujuh puluh dua jam dari masa kontrak itu dibuat.

(4) Tiada penjual atau orang lain boleh menerima apa-apa wang atau balasan lain daripada pembeli di bawah sesuatu kontrak yang dibuat di bawah Akta ini sebelum habis tempoh bertenang.

(5) Mana-mana penjual atau orang lain yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

Penamatan kontrak

26. (1) Seseorang pembeli yang telah membuat kontrak berkenaan dengan suatu jualan langsung boleh menamatkan kontrak itu dengan menyampaikan kepada penjual notis dalam bentuk yang ditetapkan pada bila-bila masa sebelum habisnya tempoh bertenang yang menyatakan niatnya untuk menamatkan atau menarik diri daripada kontrak itu.

(2) Notis yang disebutkan dalam subseksyen (1) hendaklah disampaikan dengan menyerahkannya kepada penjual atau dengan menghantarnya melalui pos berdaftar kepada alamat yang dinyatakan dalam kontrak itu.

(3) Jika notis diposkan mengikut subseksyen (2), notis itu hendaklah disifatkan telah disampaikan kepada penjual apabila habisnya tempoh tiga hari dari tarikh notis itu diposkan.

Efek penamatan

27. Jika notis penamatan telah diberikan menurut seksyen 26—

- (a) kontrak yang berhubungan dengan notis itu hendaklah disifatkan telah ditamatkan dengan persetujuan bersama dan tidak pernah berkuat kuasa; dan

- (b) apa-apa kontrak gerenti yang berhubungan dengan kontrak itu hendaklah disifatkan tidak pernah berkuat kuasa.

BAHAGIAN VA

LARANGAN SKIM PIRAMID

Tafsiran berhubungan dengan Bahagian ini

27A. Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“mempromosikan”, berhubungan dengan skim piramid yang dilarang oleh Akta ini, ertinya —

- (a) mengikhtiarkan, menyediakan, mewujudkan, merancang, mengiklankan, mengendalikan atau menjalankan dengan menggunakan apa-apa perantaraan termasuk melalui transaksi elektronik; atau
- (b) mendorong atau cuba untuk mendorong orang lain untuk menjadi peserta dalam skim itu dengan menggunakan apa-apa perantaraan, termasuk melalui transaksi elektronik;

“orang” ertinya individu, pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan;

“peserta” ertinya orang yang menyertai atau memperoleh faedah dalam suatu skim piramid;

“skim piramid” ertinya apa-apa skim, perkiraan, pelan, pengendalian atau proses berantai yang mempunyai semua atau mana-mana ciri yang dinyatakan dalam Jadual.

Menyalahi undang-undang untuk mempromosikan atau menjalankan skim piramid

27B. (1) Tiada seorang pun boleh mempromosikan atau menyebabkan supaya dipromosikan sesuatu skim piramid.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh—

- (a) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan, didenda tidak kurang daripada satu juta ringgit dan tidak lebih daripada sepuluh juta ringgit dan, bagi kesalahan kali kedua atau yang berikutnya, didenda tidak kurang daripada sepuluh juta ringgit dan tidak lebih daripada lima puluh juta ringgit;
- (b) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan, didenda tidak kurang daripada lima ratus ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan, bagi kesalahan kali kedua atau yang berikutnya, didenda tidak kurang daripada satu juta ringgit dan tidak lebih daripada sepuluh juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

(3) Jika seseorang, yang menjadi pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai serupa itu yang lain dalam suatu pertubuhan perbadanan, pekongsi dalam suatu perkongsian atau pemegang jawatan dalam suatu pertubuhan, mengikut mana-mana yang berkenaan, melakukan kesalahan di bawah seksyen ini menurut kuasa seksyen 38, dia boleh dikenakan penalti yang diperuntukkan di bawah perenggan (2)(b).

BAHAGIAN VI

PENGUATKUASAAN

Penyataan jawatan

28. Tiap-tiap pegawai yang dilantik di bawah Akta ini, apabila bertindak terhadap mana-mana orang di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan, hendaklah dengan serta-merta menyatakan jawatannya dan hendaklah, apabila diminta, menunjukkan, kepada orang yang kepadanya dia bertindak itu, apa-apa kad kuasa sebagaimana yang diarahkan oleh Pengawal supaya dibawa oleh pegawai itu.

Pengeledahan dan penyitaan dengan waran

29. (1) Jika seseorang Majistret mendapati, berdasarkan maklumat bertulis atas sumpah dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk dipercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan sedang atau telah dilakukan di mana-mana premis, Majistret itu boleh mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa mana-mana Penolong Pengawal yang dinamakan dalam waran itu untuk memasuki premis itu pada bila-bila masa yang munasabah sama ada pada waktu siang atau waktu malam, dengan atau tanpa bantuan dan jika perlu dengan kekerasan.

(2) Waran yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) boleh memberi kuasa Penolong Pengawal itu untuk—

- (a) menggeledah premis itu bagi, dan menyita apa-apa harta, dokumen atau data berkomputer yang dengan semunasabahnya dipercayai dapat memberikan keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu;
- (b) mengalihkan dari premis itu apa-apa harta, dokumen atau data berkomputer yang disita di bawah perenggan (a) dan menahannya selama apa-apa tempoh yang difikirkan perlu oleh Penolong Pengawal itu;
- (c) memeriksa mana-mana orang yang berada di premis itu, jika Penolong Pengawal itu mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa orang itu mempunyai pada dirinya apa-apa harta, dokumen atau data berkomputer, termasuk dokumen persendirian, yang dengan semunasabahnya dipercayai dapat memberikan keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu dan menyita harta, dokumen atau data berkomputer itu;
- (d) mengalihkan daripada orang yang diperiksa di bawah perenggan (c) harta, dokumen atau data berkomputer sedemikian yang disita di bawah perenggan itu dan menahannya selama apa-apa tempoh yang difikirkan perlu oleh Penolong Pengawal itu; dan

- (e) memeriksa, membuat salinan, atau mengambil cabutan dari, mana-mana harta, dokumen atau data berkomputer yang disita dan ditahan di bawah perenggan (b), (c) dan (d).

(3) Jika perlu untuk berbuat demikian, seseorang Penolong Pengawal boleh dalam menjalankan mana-mana kuasanya di bawah subseksyen (1)—

- (a) memecah buka mana-mana pintu mana-mana premis itu dan memasuki premis itu;
- (b) memasuki dengan menggunakan kekerasan mana-mana premis dan tiap-tiap bahagian premis itu;
- (c) memecah buka, memeriksa dan menggeledah apa-apa barang, bekas atau wadah;
- (d) mengalihkan dengan menggunakan kekerasan apa-apa halangan kepada kemasukan, penggeledahan, penyitaan, penahanan atau pengalihan yang dia diberi kuasa untuk melaksanakannya; atau
- (e) menahan mana-mana orang yang dijumpai di mana-mana premis sehingga penggeledahan itu selesai.

(4) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, adalah tidak munasabah untuk mengalihkan apa-apa harta, dokumen atau data berkomputer yang disita di bawah subseksyen (1), Penolong Pengawal itu hendaklah, dengan apa-apa cara, mengelak harta, dokumen atau data berkomputer itu dalam premis atau bekas yang di dalamnya ia dijumpai.

(5) Seseorang yang, tanpa kuasa yang sah memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam subseksyen (4) atau mengalihkan apa-apa harta, dokumen atau data berkomputer yang dilak atau cuba untuk berbuat demikian melakukan suatu kesalahan.

Pengeledahan dan penyitaan tanpa waran

29A. Jika seseorang Penolong Pengawal dalam mana-mana hal keadaan yang disebut dalam seksyen 29 mempunyai sebab yang

munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelengahan dalam memperoleh suatu waran geledah di bawah seksyen itu, penyiasatan akan terjejas atau keterangan mengenai pelakuan kesalahan mungkin diganggu, dialihkan, dirosakkan atau dimusnahkan, Penolong Pengawal itu boleh memasuki premis itu dan menjalankan dalam, di atas dan berkenaan dengan premis itu segala kuasa yang disebut dalam seksyen 29 dengan cara yang sepenuhnya dan secukupnya seolah-olah dia diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

Penolong Pengawal boleh membawa orang lain

29B. Mana-mana Penolong Pengawal yang memasuki mana-mana premis menurut kuasa seksyen 29A boleh membawa bersamanya mana-mana orang lain dan apa-apa kelengkapan yang didapatinya perlu, dan apabila meninggalkan mana-mana premis yang telah dimasukinya pada menjalankan kuasanya di bawah Bahagian ini dia hendaklah, jika premis itu tidak diduduki atau jika penghuninya tiada pada masa itu, meninggalkannya selamat daripada penceroboh sebagaimana sebelum dia memasukinya.

Capaian kepada data berkomputer

29C. (1) Seseorang Penolong Pengawal yang menjalankan suatu pengeledahan di bawah Akta ini hendaklah diberi capaian kepada data berkomputer sama ada yang disimpan dalam suatu komputer atau selainnya.

(2) Bagi maksud seksyen ini, “capaian”—

- (a) termasuklah diberikan kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu dan apa-apa cara lain yang dikehendaki untuk membolehkan data berkomputer itu difahami; dan
- (b) mempunyai erti yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 2(2) dan (5) Akta Jenayah Komputer 1997 [*Akta 563*].

Senarai benda yang disita

29D. (1) Jika apa-apa harta, dokumen atau data berkomputer disita di bawah Bahagian ini, Penolong Pengawal itu hendaklah, dengan secepat yang dapat dilaksanakan, menyediakan suatu senarai benda yang disita dan mengenai tempat di mana harta, dokumen atau data berkomputer itu masing-masing dijumpai dan menyerahkan suatu salinan senarai itu yang ditandatangani olehnya kepada penduduk premis yang telah digeledah, atau kepada ejen atau pekhidmatnya, di premis itu.

(2) Jika premis itu tidak diduduki, Penolong Pengawal itu hendaklah apabila mungkin menampalkan senarai benda yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di premis itu.

Kuasa untuk menangkap

30. (1) Seseorang Penolong Pegawai boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang dia ada sebab untuk percaya telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang telah ditangkap di bawah subseksyen (1) hendaklah selepas itu diperlakukan sebagaimana yang diperuntukkan melalui Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593].

Penghalangan pegawai

31. (1) Mana-mana orang yang—

- (a) enggan untuk membenarkan mana-mana pegawai yang dilantik di bawah Akta ini atau orang lain yang disebut dalam seksyen 29B akses kepada mana-mana premis, atau tidak menyerahkan dirinya untuk diperiksa;
- (b) mengamang, menghalang, menggalang atau melengahkan atau selainnya mengganggu seseorang pegawai yang dilantik di bawah Akta ini atau orang lain yang disebut dalam seksyen 29B masuk ke dalam premis sedangkan dia

berhak untuk masuk ke dalam premis itu atau dalam melaksanakan kewajipannya di bawah Bahagian ini;

- (c) tidak mematuhi apa-apa permintaan sah mana-mana pegawai yang dilantik di bawah Akta ini dalam melaksanakan kewajipannya di bawah Bahagian ini;
- (d) enggan memberi mana-mana pegawai yang dilantik di bawah Akta ini apa-apa harta, dokumen atau data berkomputer yang dikehendaki secara munasabah daripadanya dan yang dia berkuasa untuk memberikannya;
- (e) tidak menzahirkan apa-apa maklumat atau mengemukakan kepada, atau menyembunyikan atau cuba untuk menyembunyikan daripada seseorang pegawai yang dilantik di bawah Akta ini apa-apa harta, dokumen atau data berkomputer yang dikehendaki oleh pegawai itu;
- (f) mengambil balik atau berusaha untuk mengambil balik apa-apa benda yang telah disita dengan sewajarnya;
- (g) sebelum atau selepas apa-apa penggeledahan atau penyitaan, memecahkan atau selainnya memusnahkan apa-apa benda untuk menghalang penyitaannya, atau penyimpanan selamat apa-apa harta, dokumen atau data berkomputer;
- (h) tanpa kuasa yang sah, memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam seksyen 29 atau mengalihkan apa-apa benda yang dilak atau cuba untuk berbuat demikian; atau
- (i) menghalang dalam apa jua cara mana-mana pegawai yang dilantik di bawah Akta ini dalam menjalankan tanggungjawabnya di bawah Akta ini,

melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(2) Jika mana-mana orang, dalam memberikan apa-apa maklumat seperti yang tersebut dalam subseksyen (1), membuat apa-apa pernyataan yang dia tahu atau ada sebab untuk percaya adalah palsu, dia melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan penalti yang tersebut dalam subseksyen itu.

(3) (*Dipotong oleh Akta A1379*).

Waran boleh diterima walau apa pun kecacatan, dsb.

32. Sesuatu waran yang dikeluarkan di bawah Akta ini adalah sah dan boleh diterima walau apa pun apa-apa kecacatan, kesilapan atau ketinggalan di dalamnya atau dalam permohonan bagi mendapatkan waran itu dan apa-apa harta, dokumen atau data berkomputer yang disita di bawah waran itu hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dalam apa-apa prosiding di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan.

Kuasa penyihasatan

33. (1) Seseorang Penolong Pengawal mempunyai kuasa untuk menyiasat pelakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan.

(2) Seseorang Penolong Pengawal yang menyiasat pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan boleh menjalankan segala kuasa atau mana-mana kuasa berhubung dengan penyihasatan polis dalam kes kesalahan boleh tangkap yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*].

Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes

33A. (1) Seseorang Penolong Pengawal yang membuat siasatan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan boleh, melalui perintah secara bertulis, menghendaki kehadiran di hadapannya mana-mana orang yang pada pendapat Penolong Pengawal itu mempunyai pengetahuan

tentang fakta dan hal keadaan kes itu, dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana yang dikehendaki sedemikian.

(2) Jika mana-mana orang enggan untuk hadir sebagaimana yang dikehendaki sedemikian, Penolong Pengawal itu boleh melaporkan keengganan itu kepada seorang Majistret yang hendaklah mengeluarkan suatu waran untuk memastikan kehadiran orang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1).

Pemeriksaan orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes

33B. (1) Seseorang Penolong Pengawal yang membuat penyiasatan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dikatakan mempunyai pengetahuan tentang fakta dan hal keadaan kes itu dan hendaklah mengubah ke dalam bentuk bertulis apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang yang diperiksa sedemikian.

(2) Orang yang diperiksa di bawah subseksyen (1) adalah terikat di sisi undang-undang untuk menjawab semua soalan yang berhubungan dengan kes itu yang diajukan kepadanya oleh Penolong Pengawal, tetapi orang itu boleh enggan untuk menjawab mana-mana soalan yang jawapannya berkecenderungan mendedahkannya kepada suatu pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucuthakan.

(3) Seseorang yang membuat suatu pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat secara keseluruhannya atau sebahagiannya dalam menjawab soalan itu.

(4) Penolong Pengawal yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu memaklumkan orang itu mengenai peruntukan subseksyen (2) dan (3).

(5) Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, apabila mungkin, diubahkan ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau

dilekatkan dengan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas—

- (a) pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa dia membuatnya; dan
- (b) dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang dia mahu.

Kebolehterimaan pernyataan sebagai keterangan

33C. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen ini, tiada pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang kepada seorang Penolong Pengawal dalam perjalanan suatu penyiasatan yang dibuat di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan boleh digunakan sebagai keterangan.

(2) Apabila mana-mana saksi dipanggil bagi pihak pendakwaan atau pembelaan, selain tertuduh, mahkamah hendaklah, atas permintaan tertuduh atau pendakwa, merujuk kepada mana-mana pernyataan yang dibuat oleh saksi itu kepada Penolong Pengawal dalam perjalanan penyiasatan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan dan boleh kemudiannya, jika difikirkan patut oleh mahkamah demi kepentingan keadilan, mengarahkan supaya tertuduh diberi suatu salinan pernyataan itu dan pernyataan itu boleh digunakan untuk mencabar kebolehpercayaan saksi itu mengikut cara yang diperuntukkan oleh Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*].

(3) Jika tertuduh telah membuat suatu pernyataan semasa perjalanan suatu penyiasatan, pernyataan itu boleh diterima sebagai keterangan untuk menyokong pembelaannya semasa perjalanan perbicaraan.

(4) Tiada apa jua dalam seksyen ini boleh disifatkan terpakai bagi apa-apa pernyataan yang dibuat dalam perjalanan perbarisan cam atau yang diliputi oleh seksyen 27 atau perenggan 32(1)(a), (i) dan (j) Akta Keterangan 1950.

(5) Apabila mana-mana orang dipertuduh atas mana-mana kesalahan yang berhubungan dengan —

(a) pembuatan; atau

(b) kandungan,

apa-apa pernyataan yang dibuat olehnya kepada seorang Penolong Pengawal dalam perjalanan suatu penyiasatan yang dibuat di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan, pernyataan itu boleh digunakan sebagai keterangan dalam kes pihak pendakwa.

Pendakwaan

***34.** Tiada pendakwaan bagi atau berhubungan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Pelucuthakan harta, dsb.

35. (1) Segala harta, dokumen atau data berkomputer yang disita pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Akta ini boleh dilucuthakkan.

(2) Suatu perintah bagi pelucuthakan atau bagi pelepasan apa-apa harta, dokumen atau data berkomputer yang disita pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Akta ini hendaklah dibuat oleh mahkamah yang di hadapannya pendakwaan berkenaan dengan harta, dokumen atau data berkomputer itu telah diadakan dan suatu perintah bagi pelucuthakan harta, dokumen atau data berkomputer itu hendaklah dibuat jika dibuktikan sehingga mahkamah berpuas hati bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa harta, dokumen atau data berkomputer itu ialah hal perkara atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu, walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

**CATATAN—lihat subseksyen 22(2) Akta Jualan Langsung (Pindaan) 2010 [Akta A1379].*

(3) Jika tidak ada pendakwaan berkenaan dengan apa-apa harta, dokumen atau data berkomputer yang telah disita pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, harta, dokumen atau data berkomputer itu hendaklah diambil dan disifatkan telah dilucuthakkan apabila habis tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyampaian notis kepada orang yang daripadanya harta, dokumen atau data berkomputer itu disita yang menunjukkan bahawa tidak ada pendakwaan dibuat berkenaan dengan harta, dokumen atau data berkomputer itu, melainkan jika suatu tuntutan terhadapnya dibuat sebelum tarikh itu mengikut cara yang dinyatakan dalam subseksyen (4), (5) dan (6).

(4) Mana-mana orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya harta, dokumen atau data berkomputer yang disebutkan dalam subseksyen (3) dan bahawa harta, dokumen atau data berkomputer itu bukanlah harta, dokumen atau data berkomputer yang boleh dilucuthakkan boleh memberikan notis bertulis secara sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis kepada seseorang Penolong Pengawal bahawa dia menuntut harta, dokumen atau data berkomputer itu.

(5) Apabila notis yang disebut dalam subseksyen (4) diterima, Penolong Pengawal hendaklah merujuk notis itu kepada Pengawal atau Timbalan Pengawal, yang boleh, selepas apa-apa siasatan yang perlu, mengarahkan supaya harta, dokumen atau data berkomputer itu dilepaskan atau dilucuthakkan atau merujuk perkara itu kepada Majistret bagi mendapatkan keputusannya.

(6) Majistret yang kepadanya sesuatu perkara dirujuk di bawah subseksyen (5) hendaklah mengeluarkan saman menghendaki orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya harta, dokumen atau data berkomputer itu dan orang yang daripadanya harta, dokumen atau data berkomputer itu disita supaya hadir di hadapan Majistret itu, dan apabila mereka hadir atau jika mereka ingkar hadir, setelah dibuktikan penyampaian wajar saman itu, Majistret itu hendaklah terus memeriksa perkara itu dan apabila terbukti bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa harta, dokumen atau data berkomputer itu ialah hal perkara atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu hendaklah memerintahkan supaya harta, dokumen atau data berkomputer itu dilucuthakkan dan

jika tidak terbukti sedemikian hendaklah memerintahkan supaya harta, dokumen atau data berkomputer itu dilepaskan.

(7) Segala benda yang terlucut hak atau yang disifatkan telah terlucut hak hendaklah diserahkan kepada Penolong Pengawal dan hendaklah dilupuskan mengikut arahan Pengawal.

(8) Jika apa-apa barang-barang yang disita pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah Akta ini adalah daripada jenis yang mudah musnah atau jika penjagaan barang-barang itu melibatkan belanja dan kesusahan yang tidak munasabah, barang-barang itu boleh dijual pada bila-bila masa dan hasil jualan itu dipegang sementara menanti keputusan apa-apa pendakwaan atau tuntutan di bawah seksyen ini.

Tiada kos atau ganti rugi boleh didapati berbangkit daripada penyitaan

36. Tiada seorang pun, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa harta, dokumen atau data berkomputer yang disita pada menjalankan atau berupa sebagai menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, berhak mendapat kos prosiding itu atau, tertakluk kepada seksyen 35, mendapat apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu telah dibuat tanpa sebab yang munasabah atau barangkali.

Kos memegang harta, dsb., yang disita

36A. Jika apa-apa harta, dokumen atau data berkomputer yang disita dalam menjalankan mana-mana kuasa di bawah Akta ini dipegang dalam jagaan Kerajaan sementara menunggu penyelesaian apa-apa prosiding berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan, kos bagi memegang harta, dokumen atau data berkomputer itu dalam jagaan itu hendaklah, sekiranya mana-mana orang didapati bersalah atas suatu kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan, menjadi hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan oleh orang itu dan hendaklah didapatkan dengan sewajarnya.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

Terma kontrak tertentu dilarang

37. (1) Sesuatu kontrak yang baginya Akta ini terpakai tidak boleh mengandungi—

- (a) apa-apa peruntukan yang berupa sebagai menyingkirkan, mengehendkan, atau mengubahsuaikan apa-apa hak yang diberikan kepada seseorang pembeli melalui Akta ini; atau
- (b) apa-apa peruntukan daripada jenis yang dilarang oleh peraturan-peraturan.

(2) Jika sesuatu kontrak yang baginya Akta ini terpakai mengandungi suatu peruntukan yang berlawanan dengan subseksyen (1), peruntukan itu adalah batal dan penjual dan mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya untuk membuat kontrak itu, setiap satunya, melakukan suatu kesalahan.

Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan, dsb.

38. (1) Jika apa-apa kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Akta ini atau peraturan-peraturan telah dilakukan oleh sesuatu pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan, mana-mana orang yang pada masa kesalahan itu dilakukan ialah seorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai serupa itu yang lain dalam pertubuhan perbadanan itu, pekongsi dalam perkongsian itu atau pemegang jawatan dalam pertubuhan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau berupa sebagai bertindak atas mana-mana sifat sedemikian, atau dengan apa-apa cara atau hingga apa-apa takat bertanggungjawab atas pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan itu, atau membantu dalam pengurusan sedemikian, melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa diizinkan atau dibiarkan olehnya dan bahawa dia telah menjalankan segala daya usaha untuk mencegah pelakuan kesalahan itu sebagaimana yang sepatutnya dijalankan olehnya, setelah mengambil kira jenis

fungsinya atas sifat itu dan setelah mengambil kira segala hal keadaan.

(2) Jika mana-mana orang (dalam subseksyen ini disebut "prinsipal") akan boleh dikenakan apa-apa hukuman atau penalti di bawah Akta ini kerana apa-apa perbuatan, ketinggalan, kecuaiian atau keingkaran, dia hendaklah boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, ketinggalan, kecuaiian atau keingkaran pekerja atau ejennya, atau pekerja ejen itu, jika perbuatan, ketinggalan, kecuaiian atau keingkaran itu telah dilakukan oleh pekerja prinsipal itu dalam perjalanan pekerjaannya, atau oleh ejen itu apabila bertindak bagi pihak prinsipal itu, atau oleh pekerja ejen itu dalam perjalanan pekerjaannya dengan ejen itu atau selainnya bagi pihak ejen itu.

Penalti am

39. (1) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kali yang kedua atau yang berikutnya dia boleh didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan yang melakukan kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit, dan bagi kesalahan kali yang kedua atau yang berikutnya ia boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.

(3) Jika seseorang, yang menjadi pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai serupa itu yang lain dalam sesuatu pertubuhan perbadanan, perkongsi dalam sesuatu perkongsian atau pemegang jawatan dalam sesuatu pertubuhan, mengikut mana-mana yang berkenaan, adalah, menurut kuasa seksyen 38, melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang baginya

tiada penalti diperuntukkan dengan nyata, dia boleh dikenakan penalti yang diperuntukkan di bawah subseksyen (1).

Pengkompaunan kesalahan

40. (1) Pengawal atau Timbalan Pengawal boleh mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang ditetapkan sebagai kesalahan boleh kompaun dengan menerima daripada orang yang semunasabahnya disyaki telah melakukan kesalahan itu sejumlah wang yang tidak melebihi amaun yang ditetapkan.

(2) Apabila bayaran diterima di bawah subseksyen (1), tiada prosiding selanjutnya boleh diambil terhadap orang itu berkenaan dengan kesalahan itu dan jika apa-apa barang-barang telah diambil milik, barang-barang itu boleh dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa syarat yang boleh dikenakan.

(3) Kuasa untuk mengkompaun kesalahan di bawah subseksyen (1) hendaklah dijalankan oleh Pengawal atau Timbalan Pengawal sendiri.

Bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan

41. Walau apa pun apa-apa undang-undang bertulis yang berlawanan, sesuatu mahkamah Sesyen hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan semua kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan dan untuk mengenakan hukuman penuh yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

Kuasa untuk memberikan pengecualian

42. (1) Menteri boleh, melalui perintah, mengecualikan, tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut dikenakan, mana-mana orang atau golongan orang, atau apa-apa perniagaan jualan langsung atau golongan perniagaan jualan langsung daripada kesemua atau mana-mana peruntukan Akta ini atau peraturan-peraturan atas alasan—

- (a) bahawa hasil daripada perniagaan jualan langsung itu akan digunakan semata-mata bagi maksud khairat, kebajikan, kemasyarakatan, keagamaan atau pendidikan;
- (b) bahawa orang yang hendak menjual barang-barang atau membekalkan perkhidmatan itu ialah orang kurang upaya;
- (c) bahawa orang yang hendak menjual barang-barang atau membekalkan perkhidmatan itu ialah, dalam perjalanan biasa perniagaannya, dikehendaki membekalkan barang-barang atau perkhidmatannya dengan cara transaksi jualan langsung bagi kemudahan pembeli;
- (d) bahawa pemberian pengecualian kepada orang atau perniagaan jualan langsung itu tidak akan, pada pendapat Menteri, menjejaskan kepentingan pembeli.

(2) Menteri boleh, pada bila-bila masa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, membatalkan apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) jika dia berpuas hati bahawa pengecualian itu tidak lagi sesuai untuk terus diberikan.

Perlindungan Pengawal, Timbalan Pengawal, Penolong Pengawal dan pegawai lain

43. Tiada tindakan atau pendakwaan boleh dibawa, dimulakan atau dikekalkan di mana-mana mahkamah terhadap Pengawal, Timbalan Pengawal, Penolong Pengawal atau mana-mana pegawai lain yang dilantik sewajarnya di bawah Akta ini bagi atau atas sebab atau berkenaan dengan apa-apa tindakan yang diperintahkan atau dibuat bagi maksud menguatkuasakan Akta ini dan peraturan-peraturan, dan tiada guaman atau pendakwaan boleh dibawa di mana-mana mahkamah terhadap mana-mana orang lain bagi atau atas sebab atau berkenaan dengan apa-apa tindakan yang dibuat atau berupa sebagai dibuat olehnya di bawah perintah, arahan atau suruhan Pengawal, Timbalan Pengawal, Penolong Pengawal atau mana-mana pegawai lain yang dilantik di bawah Akta ini jika perbuatan itu dibuat dengan suci hati dan dengan kepercayaan munasabah bahawa tindakan itu perlu bagi maksud yang diniatkan untuk dicapai olehnya.

Perlindungan kepada pemberi maklumat

43A. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen ini, tiada saksi dalam apa-apa prosiding sivil atau jenayah boleh dikehendaki atau dibenarkan untuk menzahirkan nama atau alamat mana-mana pemberi maklumat atau isi maklumat dan jenis maklumat yang diterima daripadanya atau menyatakan apa-apa perkara yang mungkin menyebabkan pemberi maklumat diketahui.

(2) Jika apa-apa harta, dokumen atau data berkomputer yang menjadi keterangan atau yang boleh diperiksa dalam apa-apa prosiding sivil atau jenayah mengandungi apa-apa catatan yang dalamnya mana-mana pemberi maklumat dinamakan atau diperihalkan atau yang mungkin menyebabkan pemberi maklumat diketahui, mahkamah hendaklah menyebabkan supaya semua catatan sedemikian ditutup daripada penglihatan atau dipadamkan setakat yang perlu untuk melindungi pemberi maklumat daripada diketahui.

(3) Jika dalam suatu perbicaraan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan, mahkamah selepas menjalankan siasatan penuh tentang kes itu mempercayai bahawa pemberi maklumat itu dengan sengaja membuat dalam aduannya suatu pernyataan material yang dia tahu atau percaya adalah palsu atau tidak percaya adalah benar, atau jika dalam apa-apa prosiding lain mahkamah berpendapat bahawa keadilan tidak dapat dilakukan sepenuhnya antara pihak-pihak kepada prosiding itu tanpa mengetahui pemberi maklumat, mahkamah boleh menghendaki pengemukaan aduan asal, jika dalam bentuk bertulis, dan membenarkan siasatan dan menghendaki penzahiran yang sepenuhnya berkenaan dengan pemberi maklumat.

Peraturan-peraturan

44. (1) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, membuat peraturan-peraturan yang perlu atau suai manfaat bagi memberikan kuat kuasa penuh kepada peruntukan Akta ini, bagi melaksanakan atau mencapai tujuan dan maksud Akta ini atau mana-mana peruntukannya, atau bagi melaksanakan dengan lebih lanjut, lebih baik atau lebih mudah peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1) peraturan-peraturan boleh dibuat—

(a) untuk mengawal selia pengeluaran, pengelilingan atau pengedaran dokumen, sama ada iklan, prospektus, pekeliling atau notis, yang mengandungi—

(i) pelawaan kepada mana-mana orang untuk menjadi peserta dalam skim jualan langsung; atau

(ii) maklumat yang direncanakan untuk mendorong, sama ada secara langsung atau tidak langsung, mana-mana orang untuk menjadi peserta dalam skim sedemikian,

atau untuk melarang mana-mana dokumen sedemikian daripada dikeluarkan, dikelilingkan atau diedarkan melainkan jika dokumen itu mematuhi kehendak tentang perkara yang hendak dimasukkan atau tidak dimasukkan ke dalam dokumen itu sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan;

(b) melarang penjual atau mana-mana penjual, atau mana-mana peserta, dalam skim jualan langsung, daripada—

(i) membekalkan apa-apa barang-barang kepada seseorang peserta dalam skim itu;

(ii) membekalkan apa-apa kemudahan latihan atau perkhidmatan lain bagi peserta sedemikian;

(iii) memberikan apa-apa barang-barang atau perkhidmatan di bawah sesuatu transaksi yang dibuat oleh peserta sedemikian;

(iv) sebagai suatu pihak kepada apa-apa perkiraan yang di bawahnya barang-barang atau perkhidmatan dibekalkan atau diberikan seperti yang tersebut dalam subperenggan (i), (ii) atau (iii); atau

- (v) menerima daripada mana-mana peserta sedemikian apa-apa bayaran, atau apa-apa aku janji untuk membuat pembayaran berkenaan dengan apa-apa barang-barang atau perkhidmatan yang dibekalkan atau diberikan seperti yang tersebut dalam subperenggan (i), (ii), (iii) atau (iv) atau berkenaan dengan apa-apa barang-barang atau perkhidmatan yang akan dibekalkan atau diberikan sedemikian,

melainkan jika (dalam mana-mana hal sedemikian) kehendak sebagaimana yang ditetapkan dipatuhi;

- (c) melarang peruntukan atau golongan peruntukan tertentu daripada dimasukkan ke dalam sesuatu kontrak yang baginya Akta ini terpakai;
- (d) mengawal selia segala perkara yang berhubungan dengan skim jualan langsung dan penjalanan jualan langsung;
- (e) menetapkan tatalaku bagi penjual atau peserta yang ada kaitan dengan sesuatu skim jualan langsung;
- (f) menetapkan kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang boleh dikompaun, amaun kompaun itu dan tatacara yang hendaklah diikuti dalam mengkompaunkan kesalahan; dan
- (g) menetapkan apa-apa jua yang boleh atau dikehendaki ditetapkan.

(3) Kuasa yang diberikan kepada Menteri di bawah seksyen ini boleh dijalankan untuk—

- (a) membuat pelanggaran mana-mana peruntukan peraturan-peraturan menjadi suatu kesalahan;
- (b) mengadakan peruntukan yang berlainan—

- (i) berhubungan dengan perihal atau golongan skim jualan langsung yang berlainan yang baginya Akta ini terpakai;
- (ii) berhubungan dengan skim jualan langsung yang beroperasi atau pernah beroperasi pada tarikh yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan; atau
- (iii) berhubungan dengan perihal atau golongan peserta yang berlainan dalam skim sedemikian.

(4) Bagi maksud seksyen ini, "peserta" ertinya orang yang mengambil bahagian dalam skim jualan langsung dan termasuklah pengedar, wakil jualan, ejen, peraih dan pembeli.

Pindaan Jadual

45. Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual.

JADUAL

CIRI-CIRI SKIM ATAU PERKIRAAN PIRAMID

[Seksyen 27A]

1. Promosi sesuatu skim atau pembayaran bonus atau faedah lain adalah semata-mata atau terutamanya melalui perekrutan atau pengenalan peserta ke dalam skim, pelan, pengendalian atau proses berantai piramid berbanding dengan jualan barang-barang, perkhidmatan atau harta tidak ketara oleh peserta.
2. Bonus dibayar kepada peserta atau mana-mana faedah lain diterima oleh peserta semata-mata atau terutamanya melalui perekrutan atau pengenalan orang lain ke dalam skim, pelan, pengendalian atau proses berantai piramid berbanding dengan jualan barang-barang, perkhidmatan atau harta tidak ketara oleh peserta atau orang lain.
3. Suatu kontrak bertulis atau pernyataan yang memperihalkan terma material perjanjian tidak disediakan kepada peserta yang menyertai skim, pelan, pengendalian atau proses berantai piramid.

4. Pembelian wajib barang-barang, perkhidmatan atau harta tidak ketara atau bayaran minimum atau kehendak jualan dikenakan sebagai syarat untuk memenuhi kehendak kelayakan atau kehendak permulaan bagi penyertaan atau pembayaran bonus atau faedah lain dalam skim, pelan, pengendalian atau proses berantai piramid.
5. Peserta dikehendaki untuk membeli barang-barang, perkhidmatan atau harta tidak ketara dalam amaun yang tidak munasabah yang melebihi jangkaan untuk dijual semula atau dibeli dalam suatu tempoh masa yang munasabah. Peserta tidak diberi kebebasan sepenuhnya dalam pembelian tetapi mereka didesak untuk membeli pakej barang-barang terpilih untuk memenuhi kehendak jualan untuk melayakkan mereka mendapat kedudukan atau bonus dalam skim, pelan, pengendalian atau proses berantai piramid.
6. Dasar bayar balik bagi barang-barang, perkhidmatan atau harta tidak ketara yang dibeli oleh peserta atau pengguna tidak disediakan.
7. Dasar beli balik oleh pengendali skim, pelan, pengendalian atau proses berantai piramid bagi barang-barang, perkhidmatan atau harta tidak ketara yang boleh dipasarkan pada masa ini atas permintaan peserta dalam terma atau perjanjian yang munasabah tidak dibenarkan atau disediakan.
8. Kehendak struktur skim, pelan, pengendalian atau proses berantai piramid yang ketat atau tidak munasabah bagi kelayakan peserta untuk dibayar bonus atau faedah lain.
9. Pengunduran diri oleh peserta daripada skim, pelan, pengendalian atau proses berantai piramid tidak dibenarkan.
10. Peserta dibenarkan atau digalakkan untuk membeli lebih daripada satu kedudukan atau hak untuk menyertai skim, pelan, pengendalian atau proses berantai piramid.

Huraian 1 - Sebutan mengenai perkataan “bonus atau faedah lain” adalah berhubungan dengan balasan atau keuntungan yang diperoleh daripada suatu skim, pelan, pengendalian atau proses berantai piramid.

Huraian 2 - Sebutan mengenai perkataan “terma material” termasuklah dasar beli balik, tempoh bertenang, waranti dan dasar bayar balik.

Huraian 3 - Barang-barang atau perkhidmatan tidak boleh dianggap boleh dipasarkan pada masa ini dan tidak tertakluk kepada ciri-ciri yang dinyatakan jika barang-barang atau perkhidmatan itu bermusim, dihentikan atau ialah barang promosi khas yang dizahirkan kepada peserta pada masa jualan.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 500****AKTA JUALAN LANGSUNG DAN
SKIM ANTI-PIRAMID 1993****SENARAI PINDAAN**

Undang-undang yang meminda	Tajuk	Berkuat kuasa dari
Akta A1379	Akta Jualan Langsung (Pindaan) 2010	01-03-2011

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 500

AKTA JUALAN LANGSUNG DAN SKIM ANTI-PIRAMID 1993

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
Tajuk panjang	Akta A1379	01-03-2011
1	Akta A1379	01-03-2011
2	Akta A1379	01-03-2011
4	Akta A1379	01-03-2011
6	Akta A1379	01-03-2011
7	Akta A1379	01-03-2011
11	Akta A1379	01-03-2011
12	Akta A1379	01-03-2011
Bahagian III	Akta A1379	01-03-2011
19A	Akta A1379	01-03-2011
Bahagian VA	Akta A1379	01-03-2011
27A	Akta A1379	01-03-2011
27B	Akta A1379	01-03-2011
29	Akta A1379	01-03-2011
29A	Akta A1379	01-03-2011

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
29B	Akta A1379	01-03-2011
29C	Akta A1379	01-03-2011
29D	Akta A1379	01-03-2011
30	Akta A1379	01-03-2011
31	Akta A1379	01-03-2011
32	Akta A1379	01-03-2011
33	Akta A1379	01-03-2011
33A	Akta A1379	01-03-2011
33B	Akta A1379	01-03-2011
33C	Akta A1379	01-03-2011
34	Akta A1379	01-03-2011
35	Akta A1379	01-03-2011
36	Akta A1379	01-03-2011
36A	Akta A1379	01-03-2011
38	Akta A1379	01-03-2011
39	Akta A1379	01-03-2011
41	Akta A1379	01-03-2011
42	Akta A1379	01-03-2011
43A	Akta A1379	01-03-2011
45	Akta A1379	01-03-2011
Jadual	Akta A1379	01-03-2011
